

22 APR 1998

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI KE THAILAND

HAADYAI, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Thailand.

Ketibaan beliau disambut oleh rakan sejawatannya di Thailand, Chuan Leekpai di Lapangan terbang Antarabangsa Haadyai pada pukul 2.30 petang waktu tempatan (3.30 petang waktu Malaysia).

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Kedua-dua Perdana Menteri kemudian berlepas ke Jen Prem Tinsulanonda Park di Songkhla, 35 km dari sini untuk menyaksikan pemeteraian perjanjian antara syarikat minyak negara Petronas, Lembaga Petroleum Thailand dan Lembaga Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJA).

Perjanjian itu ialah mengenai jualan gas dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand.

Ini akan diikuti dengan mesyuarat dua hala delegasi di Hotel JB di sini.

Chuan akan mengadakan jamuan malam meraikan Dr Mahathir dan rombongannya di hotel yang sama kemudian.

Dr Mahathir dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 10 malam waktu tempatan (11 malam waktu Malaysia).

Ini merupakan kali kedua Mahathir melawat Thailand tahun ini selepas membuat lawatan kerja dua hari ke Bangkok pada 5 dan 6 Feb.

Kali terakhir kedua-dua pemimpin bertemu ialah semasa Mesyuarat Kedua Asia Eropah (Asem) di London pada 3 dan 4 April.

-- BERNAMA

JM RON